PP

lwn.

SALAHUDDIN IBRAHIM & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TEMERLOH
RAMLY ALI H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-2-2001]
28 JULAI 2003

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Mengedar 9570 gram cannabis melalui 'penjualan' - Bukti - Perundingan jual beli - Agen provokator - Dadah belum diserah kepada agen provokator - Harga dadah belum dibayar - Sama ada 'penjualan' gagal dibuktikan - Sama ada kes prima facie tidak dibuktikan - Akta Dadah Berbahaya 1952 ss. 2, 37(d), 37(da), 39B(1)(a) - Kanun Prosedur Jenayah s. 180*

Ketiga-tiga tertuduh ('OKT1, OKT2 dan OKT3') menghadapi tuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') kerana mengedar 9570 gram cannabis. Di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan menjelaskan bahawa ia melandaskan kesnya kepada pengedaran dadah melalui 'penjualan' dan tidak bergantung kepada anggapan 'milikan' atau 'pengedaran' di bawah s. 37(d) dan s. 37(da) Akta. Dalam ertikata lain, kes pendakwaan adalah bergantung kepada keterangan langsung tentang pengedaran secara penjualan mengikut takrif di bawah s. 2 Akta yang, mengikut pendakwaan, telah terbukti melalui maklumat yang diberi oleh OKT1 di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 serta keterangan lisan SP8 sebagai agen provokator di bawah s. 40A Akta. Di hadapan yang arif hakim, isu yang berbangkit adalah sama ada suatu kes *prima facie* telah dibuktikan oleh pendakwaan berdasarkan keterangan bahawa: (i) OKT2 telah berunding dengan SP8 dan bersetuju untuk menjual dadah berbahaya berkenaan kepada SP8 pada harga RM16,000; (ii) SP8 telah menemui OKT-OKT yang berada dalam sebuah kereta dan OKT1 menunjukkan kepada SP8 10 ketul dadah dari tempat duduk belakang kereta tersebut; (iii) sepasukan polis telah menahan OKT-OKT beberapa minit selepas pertemuan OKT-OKT dengan SP8 tetapi tidak menjumpai apa-apa dadah dalam kereta yang dinaiki OKT-OKT; (iv) selepas ditangkap OKT1 memberitahu SP6 bahawa "tadi kami ada sorok 10 ketul ganja di dalam kotak tepi jalan menghala ke Kuantan" ('maklumat s. 27 Akta Keterangan') namun kenyataan ini tidak dicatit oleh SP6; dan (v) dadah dijumpai di tepi jalan beberapa kilometer dari tempat OKT-OKT ditahan hasil maklumat s. 27 Akta Keterangan oleh OKT1 di atas.

Diputuskan (membebas dan melepaskan OKT-OKT di akhir kes pendakwaan):

[1] Bagi membuktikan suatu kes *prima facie* pendakwaan perlu antara lain membuktikan bahawa: (i) OKT-OKT terlibat secara langsung dalam pengedaran dadah dengan cara 'menjual' dadah berkenaan kepada agen provokator SP8; (ii) dadah merupakan dadah berbahaya yang beratnya adalah seperti yang tercatit dalam pertuduhan; dan (iii) OKT-OKT bertindak dengan niat bersama. (ms 646 i & 647 a)

[2] Istilah 'menjual' tidak ditakrif oleh Akta. Oleh itu perkataan tersebut hendaklah digunakan mengikut makna biasa ianya digunakan. Ianya mengikut bahawa sesuatu penjualan melibatkan satu transaksi di mana seorang penjual menyerahkan barang yang dijual kepada pembeli dan pembeli membayar harganya. (ms 649 c-f)

[2a] Apa yang dibuktikan melalui keterangan SP8 hanyalah bahawa beliau dan OKT telah berunding untuk jual beli dadah. Tiada keterangan dikemukakan bahawa dadah tersebut telah diserah kepada SP8 atau bahawa SP8 telah membayar harga yang dipersetujui. Juga tiada keterangan tentang bagaimana dan di mana serahan dadah akan dibuat, yang bermakna penjualan masih belum selesai. Jelas bahawa satu transaksi penjualan yang lengkap masih belum wujud dan apa yang dibuktikan hanyalah perundingan bagi suatu penjualan.
(ms 649 g-h & 650 a-b)

[3] Dalam kes di mana OKT-OKT menghadapi pertuduhan yang membawa hukuman mati mandatori, perkataan 'penjualan' hendaklah diberikan pentafsiran yang ketat. Apa yang dimaksudkan di bawah s. 2 Akta, yang dikatakan 'pengedaran', adalah satu penjualan yang lengkap bukannya 'attempting to sell' atau 'negotiating to sell'. (ms 650 c)

[3a] Oleh kerana transaksi penjualan tidak dilaksanakan secara lengkap, dan pendakwaan pula tidak bergantung kepada anggapan-anggapan di bawah s. 37 atau mana-mana bahagian lain dalam definasi 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta, maka pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT-OKT di bawah pertuduhan di akhir pendakwaan. Pendakwaan masih gagal membuktikan 'penjualan' sekalipun jika maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan diterima sebagai keterangan. (ms 651 a-b)

[4] SP6 gagal mematuhi syarat-syarat mengenai penerimaan maklumat di bawah s. 27 Akta Keterangan. Taraf-taraf kewajaran dalam memperolehi maklumat di bawah s. 27 telah tidak dipatuhi dengan ketat. Oleh yang demikian, mahkamah tidak dapat menerima kesahihan maklumat s. 27 Akta Keterangan tersebut. Akibatnya, maklumat tersebut tidak membantu pendakwaan dalam membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT-OKT berkaitan pengedaran dadah secara 'penjualan'. (ms 654 f)

Kes-kes yang dirujuk:
Dalip Bhagwan Singh v. PP [1997] 4 CLJ 645 FC ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang v. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Hasamuddin Talena v. PP [2002] 2 CLJ 504 CA ***(dirujuk)***
Haw Tua Tau v. PP [1981] CLJ 123 PC ***(dirujuk)***
Pang Chee Meng v. PP [1992] 1 CLJ 39 HC ***(dirujuk)***
PP v. Basri Salihin [1993] 1 CLJ 420 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kanapathy Kupusamy [2001] 1 CLJ 61 HC ***(dirujuk)***
PP v. Khoo Boo Hock [1990] 1 CLJ 971 HC ***(dirujuk)***
PP v. Ong Cheng Heong [1998] 4 CLJ 209 HC ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 ***(dirujuk)***
PP v. Saare Hama & Anor [2001] 4 CLJ 475 ***(dirujuk)***
PP v. Sivakumar Ammasi [2003] 6 CLJ 152 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 112(ii), (iii), (iv), 180(1), (2), (3)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 1, 2, 37, 37A, 37(da), 38B(1)(a), 39B(1)(a), (2), 40A(1), (2)
Evidence Act 1950, s. 27
Penal Code, s. 34

Sumber lain yang dirujuk:
Sarkar On Evidence, 1999, 15th end, ms 550-551

Bagi pihak pendakwaan - Azizi Abdullah, DPP
Bagi pihak OKT 1 & 3 - Dato' Sukri Mohamad; T/n Wan Haron Sukri & Nordin
Bagi pihak OKT 2 - Alias Abdullah; T/n Alias Abdullah & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Ramly Ali H:

Pertuduhan

Ketiga-tiga Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 5hb April, 2000 jam lebih kurang 2.15 pagi, di KM 74, Jalan Kuantan - Kuala Lumpur, Maran, di dalam Daerah Maran, di dalam negeri Pahang Darul Makmur, dalam melaksanakan niat umum bersama kamu semua, telah mengedar dadah berbahaya iaitu 9,570 gram cannabis. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, yang boleh dihukum di bawah seksyen 398(2) Akta yang sama dan dibaca bersama dengan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Fakta Kes

Seorang anggota polis (SP8) yang bertindak sebagai agen provokator telah diarahkan oleh ketuanya untuk menjalankan operasi benteras kegiatan pengedaran dadah di Daerah Maran. Untuk tujuan itu beliau (SP8) telah diperkenalkan kepada OKT2 melalui seorang 'informer'. Seterusnya, melalui beberapa perbincangan melalui talipon dan pertemuan secara physical, OKT2 dikatakan telah bersetuju untuk menjual dan SP8 bersetuju untuk membeli 10 kg ganja pada harga RM16,000.00. Juga dikatakan telah dipersetujui di antara SP8 dan OKT2 ialah bayaran hendaklah dibuat secara tunai ie, bayar tunai beri barang. Untuk tujuan tersebut satu temujanji telah ditetapkan di sebuah warong makan di Jalan Maran - Kuantan. Dalam pada itu SP8 telah menghubungi C/Inspektor Rosli (SP6) untuk tujuan membuat serbuan dan tangkapan semasa transaksi 'jualbeli' tersebut berlangsung. Di tempat yang dijanjikan SP6 bersama-sama pasukannya telah bersedia di dalam posisi serbuan masing-masing dengan menggunakan 3 buah kereta berasingan. Pada 5 April 2000 lebih kurang jam 1.20 pagi ketiga-tiga OKT sampai di tempat berkenaan dengan menaiki sebuah kereta Proton Satria nombor WEU 7853 bewarna merah yang dipandu oleh OKT3 datang dari arah Kuantan menghala ke Kuala Lumpur. OKT2 duduk di tempat duduk penumpang di hadapan manakala OKT1 duduk di belakang OKT2 dikatakan telah keluar kereta tersebut dan pergi menemui SP8 yang berada di sebuah warong makan di seberang jalan. Kemudian kedua-dua SP8 dan OKT2 berjalan menuju ke kereta tersebut di mana SP8 mengatakan beliau telah menjenguk ke dalam kereta dan telah ditunjukkan 10 ketul ganja (barang kes) oleh OKT1 melalui tempat duduk belakang kereta tersebut yang diturunkan. Di saat itu SP8 telah memberi isyarat kepada SP6 dengan mengangkat tangannya ke atas iaitu bermakna barang kes atau dadah berkenaan ada terdapat di dalam kereta tersebut. SP8 terus menyeberang jalan meninggalkan

kereta tersebut menuju ke keretanya sendiri dan selepas itu meninggalkan tempat itu. Tiada sebarang serbuan yang dibuat oleh SP6 dan anggota pasukannya di masa itu sehinggalah kereta tersebut bergerak dan membuat 'U-turn' menghala ke Kuantan dan meninggalkan tempat itu. Mengikut SP6, beliau tidak membuat serbuan di situ kerana 'tidak sempat' sebab kereta tersebut membuat 'U-turn' menghala ke Kuantan. Lebih kurang lima minit kemudian SP6 dan anggotanya yang masih berada di tempat asal mendapati kereta tersebut berpatah balik menghala ke arah Kuala Lumpur. Di masa itu SP6 dan anggotanya telah mengejar kereta tersebut dan berjaya menahannya di jalan masuk ke Masjid Assyakirin Maran. Mengikut SP6 semasa ditahan, OKT1 ada memberi maklumat "tadi kami ada sorok 10 ketul ganja di dalam kotak tepi jalan menghala ke Kuantan". Hasil maklumat itu, mengikut SP6, mereka telah dibawa oleh OKT-OKT ke tempat di mana barang kes (dadah) berkenaan ditemui di KM 74 Jalan Kuantan - Kuala Lumpur. Barang kes tersebut telah dicamkan oleh SP8 dan telah disahkan oleh ahli kimia sebagai ganja seberat 9,520 gram, mengikut takrifnya di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952.

Sepanjang perbicaraan, pihak pendakwaan telah mengemukakan 10 orang saksi. Di peringkat penghujung kes pendakwaan, Timbalan Pendakwa Raya telah memberitahu mahkamah di dalam hujahannya bahawa pihak pendakwaan berlandaskan kesnya kepada tindakan pengedaran dadah berkenaan melalui 'penjualan (sale)' di mana ketiga-tiga OKT secara niat awam bersama dikatakan telah mengedar dadah berkenaan dengan cara 'menjual' dadah tersebut kepada SP8 yang bertindak sebagai agen provakator. Untuk tujuan itu Timbalan Pendakwa Raya menegaskan bahawa pihak pendakwaan berlandaskan pembuktiannya kepada keterangan secara langsung (direct evidence) berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh OKT1 di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 dan juga keterangan lisan yang diberikan oleh SP8 sebagai agen provokator di bawah s. 40A Akta Dadah Berbahaya 1952. Timbalan Pendakwa Raya juga menegaskan di dalam hujahannya bahawa pihak pendakwaan sama sekali tidak berlandaskan kesnya ke atas mana-mana anggapan (presumption) di bawah s. 37 Akta Dadah Berbahaya 1952. Pihak pendakwaan, tambahnya, berlandaskan kepada 'direct evidence' untuk membuktikan 'pengedaran' secara 'jualan' mengikut takrif dibawah s. 2 Akta tersebut.

Daripada hujahan pihak pendakwaan, nampaknya pihak pendakwaan sama sekali tidak berlandaskan kesnya kepada 'anggapan (presumption)' milikan di bawah s. 37(d) mahupun kepada 'anggapan (presumption)' pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952. Ini bermakna pihak pendakwaan tidak berlandaskan kesnya kepada elemen 'custody and control' seperti yang dinyatakan di bawah s. 37(d) Akta tersebut.

Kes *Prima Facie*

Di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan kes *prima facie* bagi pertuduhan yang dikenakan ke atas ketiga-tiga OKT, mengikut kehendak s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah. Sekiranya pihak pendakwaan berjaya berbuat demikian, maka mahkamah perlu memanggil OKT-OKT untuk membuat pembelaan masing-masing. Kalau tidak OKT-OKT hendaklah dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaan seperti apa yang diperuntukkan di bawah s. 180(2) dan (3) Kanun yang sama.

Istilah *'prima facie'* telah ditakrifkan di dalam banyak kes undang-undang. Antaranya ialah kes *Haw Tua Tau v. PP* [1981] CLJ 123 di mana Majlis Privy (pada masa itu) telah memutuskan antara lain:

> ... [The test being] if there is some evidence (not inherently incredible) which, if he (the judge) were to accept it as accurate, would establish each essential element in the alleged offence.

Di dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v. Public Prosecutor* [1997] 4 CLJ 645 Mahkamah Persekutuan telah memutuskan seperti berikut:

> Maksud ujian kes *prima facie* di penutup kes pihak pendakwa adalah, 'atas anggapan bahawa keterangan pendakwa adalah tepat, bolehkah tertuduh disabitkan secara sah?' Perkataan 'tepat' boleh bermakna atau patut bermakna 'benar' dan perkataan-perkataan 'keterangan pihak pendakwa' boleh dikatakan merujuk kepada keterangan 'fakta primer' yang boleh merujuk secara logik kepada keterangan atau keterangan yang mencukupi bagi membuktikan setiap unsur kesalahan. Sebaik sahaja terdapat keterangan begitu yang mencukupi, selagi ia bukanlah begitu sukar dipercayai, suatu kes *prima facie* dibuktikan.

Mahkamah hanya boleh memanggil pembelaan OKT-OKT setelah berpuashati terbuktinya kes *prima facie* terhadap mereka di akhir kes pendakwaan. Mahkamah tidak boleh memanggil pembelaan OKT-OKT semata-mata kerana mahkamah hendak mendengar cerita atau penjelasan daripada OKT-OKT tentang semua keterangan terhadap mereka yang telah ditimbulkan sepanjang kes pendakwaan (lihat kes: *Public Prosecutor v. Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16; *PP v. Ong Cheng Heong* [1998] 4 CLJ 209; and *PP v. Saare Hama & Anor* [2001] 4 CLJ 475).

Antara elemen-elemen penting yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT-OKT di dalam kes ini mengikut apa yang telah dihujahkan oleh Timbalan Pendakwa Raya adalah:

(i) OKT-OKT terlibat secara langsung di dalam pengedaran dadah berkenaan dengan cara 'menjual (selling)' dadah berkenaan kepada SP8 (agen provokator);

(ii) Dadah berkenaan adalah sebenarnya merupakan dadah berbahaya dan beratnya adalah seperti yang tercatit di dalam pertuduhan; dan

(iii) OKT-OKT bertindak secara niat awam bersama.

Timbalan Pendakwa Raya di dalam hujahannya telah memberitahu mahkamah bahawa kes pendakwaan adalah berdasarkan kepada takrif "pengedaran" di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana OKT-OKT secara niat awam bersama dikatakan telah mengedar dadah dengan cara 'menjual (selling)' dadah tersebut kepada SP8 berlandaskan kepada keterangan lisan SP8 (sebagai agen provokator) dan juga maklumat yang diberikan oleh OKT1 di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950.

Keterangan SP8 (Sebagai Agen Provokator)

Timbalan Pendakwa Raya menghujahkan bahawa SP8 adalah seorang agen provokator di dalam kes ini dan segala keteranganya adalah terpakai dan patut diterima mengikut peruntukan s. 40A, Akta Dadah Berbahaya 1952, yang memperuntukkan:

40A. Evidence of agent provocateur admissible

(1) Notwithstanding any rule of law or the provisions of this Act or any other written law to the contrary, no agent provocateur shall be presumed to be unworthy of credit by reason only of his having attempted to abet or abetted the commission of an offence by any person under this Act if the attempt to abet or abetment was for the sole purpose of securing evidence against such person.

(2) Notwithstanding any rule of law of the provisions of this Act or any other written law to the contrary, and that the agent provocateur is a police officer whatever his rank or any officer of customs, any statement, whether oral or in writing made to an agent provocateur by any person who subsequently is charged with an offence under this Act shall be admissible as evidence at this trial.

Mengikut Timbalan Pendakwa Raya, keterangan SP8 hendaklah diterima sepenuhnya di bawah kedua-dua peruntukan s. 40A(1) dan (2) Akta berkenaan.

Seksyen 40A(1) merujuk kepada keterangan agen provokator secara keseluruhan di mana kreditabilitinya tidak dianggap tidak boleh dipercayai (unworthy of credit) dengan alasan bahawa beliau adalah sebagai seorang pensubahat yang cuba membantu atau membantu (attempted to abet or abetted) kesalahan yang berkenaan. Di dalam keadaan biasa, tanpa peruntukan sedemikian, kreditabiliti seseorang saksi adalah dianggap sebagai tidak boleh dipercayai sekiranya saksi tersebut merupakan seorang pensubahat yang cuba membantu atau membantu (attempted to abet or abetted) perlakuan kesalahan berkenaan. Peruntukan

s. 40A(1) adalah merupakan satu pengecualian di mana mahkamah hendaklah menganggap bahawa kreditabiliti seseorang agen provokator yang memberi keterangan semasa perbicaraan adalah baik dan boleh dipercayai sekiranya perlakuan beliau adalah semata-mata untuk memperolehi keterangan terhadap OKT. Dalam lain perkataan, seseorang saksi agen provokator hendaklah dianggap sebagai seorang saksi biasa yang bukan merupakan seorang pensubahat yang cuba membantu atau membantu OKT di dalam melakukan kesalahan yang berkenaan. Ini bermakna, mahkamah masih boleh meneliti dan menilai keterangan yang diberikan oleh seorang agen provokator, sama seperti keterangan seorang saksi biasa, setelah menimbang dan mengambilkira keseluruhan keterangan yang ada di dalam sesuatu kes berkenaan.

Seksyen 40A(2) pula merujuk kepada apa-apa percakapan atau kenyataan yang dibuat oleh OKT kepada agen provokator yang merupakan seorang pegawai polis atau pegawai kastam, samada disampaikan secara bertulis mahupun secara lisan, di mana percakapan atau kenyataan tersebut adalah relevan dan boleh diterima di dalam perbicaraan OKT berkenaan.

Di dalam kes sekarang, keterangan SP8 yang bertindak sebagai agen provokator, menyatakan bahawa beliau telah dikenalkan kepada OKT2 melalui seorang lelaki India. Selepas itu terdapat beberapa percakapan talipon di antara SP8 dengan OKT2 mengenai niat SP8 hendak membeli 10 kg. dadah. Harga telah disetujui sebanyak RM16,000. Mereka juga, mengikut SP8, telah bertemu di warong makan yang sama beberapa hari sebelum OKT-OKT ditangkap untuk berbincang tentang pembelian/penjualan dadah berkenaan. Mereka bersetuju agar penghantaran (delivery) dadah berkenaan akan dibuat di warong makan yang sama. OKT2 dikatakan akan menghubungi SP8 semula tentang masa penghantaran dadah berkenaan. Pada 4 April 2000 OKT2 telah sekali lagi menghubungi SP8 memberitahu penjualan dan penghantaran dadah berkenaan akan dibuat pada malam berkenaan di warong makan yang sama. Pada awal pagi 5 April 2000 jam 1.20 pagi ketiga-tiga OKT dikatakan telah sampai ke tempat yang dijanjikan di mana SP8 telah menghampiri kereta OKT-OKT untuk melihat dadah yang hendak dijual. Mengikut SP8 lagi , beliau melihat ke dalam kereta tersebut ke arah tempat duduk belakang, yang diduduki oleh OKT1. Mengikut SP8 lagi, lampu dalam kereta pada masa itu terpasang; OKT1 telah merebahkan sebelah tempat duduk belakang ke hadapan dan seterusnya mengambil kotak dari ‘boot’ belakang kereta tersebut.

SP8 juga mendakwa bahawa OKT1 telah menunjukkan 10 ketulan dadah dari dalam kotak tersebut dan SP8 mengakui bahawa beliau boleh cam kesemua 10 ketul dadah tersebut. Pada saat itu, SP8 terus memberi isyarat kepada SP6

dan pasukannya dengan mengangkat tangannya dan terus bergerak keseberang jalan dan menaiki kereta beliau meninggalkan tempat itu.

Keterangan SP8 boleh dibahagikan kepada dua bahagian:

(i) percakapan atau kenyataan yang dibuat oleh OKT2 kepada SP8 tentang perbincangan (negotiation) untuk menjual dadah berkenaan kepada SP8, kebanyakannya melalui talipon; dan

(ii) keterangan SP8 tentang apa yang dilihat oleh beliau ie, mengenai OKT1 menunjukkan 10 ketul dadah dari tempat duduk belakang kereta berkenaan pada jam 1.20 pagi (5 April 2000) di warong makan berkenaan.

Seperti yang telah ditegaskan oleh Timbalan Pendakwa Raya di dalam hujahannya, bahawa kes pendakwaan terhadap OKT-OKT adalah berlandaskan kepada pengedaran dadah berkenaan secara 'menjual (selling)'. Istilah 'menjual (selling)' tidak ditakrifkan di bawah Akta berkenaan. Oleh itu perkataan tersebut hendaklah digunakan mengikut makna kebiasaan ianya digunakan.

Di dalam *Oxford Dictionary of Law*, New Edition, perkataan 'sale' ditakrifkan sebagai "a contract involving the sale of goods"; dan ungkapan 'sale of goods' pula ditakrifkan sebagai "a contract in which a seller transfer or agrees to transfer the ownership of goods to a buyer in exchange for money price." Takrifan tersebut juga selanjutnya menjelaskan : "Unless the parties agree otherwise, the seller must hand over the goods in exchange for a price in exchange for the goods." Di dalam Legal Dictionary oleh Sinha & Dheeraj perkataan "sale" ditakrifkan sebagai "a transaction by which title to personality is transfered from a seller to a buyer in return for money, the price." Daripada takrifan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa sesuatu penjualan (sale) melibatkan satu transaksi di mana seorang penjual (seller) menyerahkan barang yang dijual kepada pembeli dan pembeli membayar harganya.

Di dalam kes sekarang, apa yang telah dibuktikan melalui keterangan SP8 (agen provokator) ialah beliau dan OKT2 telah membuat perundingan (negotiations) untuk jualbeli dadah tersebut di mana OKT2 setuju untuk menjual 10 kg. dadah dan SP8 setuju untuk membeli dengan harga RM16,000. Tiada keterangan yang menunjukkan dadah tersebut telah diserahkan kepada SP8 dan juga tiada keterangan yang menunjukkan SP8 membayar harga yang disetujui. Tiada keterangan yang menunjukkan bagaimana dan di mana sebenarnya serahan dadah tersebut akan dibuat. Di tempat yang dijanjikan ie, warong makan berkenaan, mengikut SP8 beliau hanya ditunjukkan 10 ketul dadah berkenaan dari tempat duduk kereta berkenaan dan selepas itu beliau (SP8) terus memberi isyarat kepada SP6 dengan mengangkat tangan dan terus beredar dari situ.

Serbuan tidak dibuat di situ. Semasa OKT-OKT ditahan dan ditangkap 5 minit kemudian, dadah berkenaan tiada di dalam kereta tersebut. Mengikut SP6, dadah tersebut dijumpai di tepi jalan beberapa kilometer dari tempat OKT-OKT ditahan hasil maklumat OKT1 di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950. Kalaulah itu keadaannya, penjualan (sale) masih belum selesai. Ini bermakna satu transaksi penjualan (sale) yang lengkap masih belum ujud. Apa yang dibuktikan hanyalah 'negotiations' bagi suatu penjualan, sedangkan penjualan sebenar masih belum dilaksanakan dengan lengkap.

Di dalam kes dimana OKT-OKT menghadapi satu pertuduhan yang membawa hukuman mati mandatori perkataan 'selling' tersebut hendaklah digunakan secara 'strict interpretation'. Apa yang dimaksudkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, yang dikatakan 'pengedaran' ialah satu penjualan (selling) yang lengkap bukannya 'attempting to sell' atau 'negotiating to sell'. Dalam konteks ini Mahkamah bersetuju dan menerimapakai keputusan RK Nathan J di dalam kes *PP v. Sivakumar Ammasi* [2003] 6 CLJ 152, seperti berikut:

> Since the prosecution chose to rely on s. 2 and specifically that the accused was selling the drugs, I find that the offence of selling had not indeed been completed. What went on were negotiations.

Seterusnya Hakim dalam kes itu menyambung:

> Furthermore, the part of s. 2 relied on by the prosecution in the case deals with 'selling'. This word in my view must be given, a strict interpretation while there was evidence of negotiations, there was no evidence of selling. In fact SP7 did not have the money to conclude the sale. The section does not provide for an offence of "attempting to sell" or "negotiating to sell". The offence is one of actual selling.

Di dalam kes tersebut (*PP v. Sivakumar Ammasi*) terdapat keterangan yang menunjukkan OKT telah berbincang (negotiate) dengan SP7 (agen provokator) tentang penjualan dadah oleh OKT kepada SP7 pada harga yang ditetapkan selepas tawar menawar. Di tempat yang dijanjikan, sebelum dadah tersebut bertukar tangan dan bayaran dibuat, serbuan telah dibuat, atas isyarat yang diberikan oleh SP7, dan dadah tersebut di dapati di bawah tempat duduk penumpang di hadapan kereta tersebut yang dipandu oleh OKT tersebut. Penumpang berkenaan tidak dipanggil sebagai saksi pendakwaan dan tidak juga ditawarkan kepada OKT. Pihak Pendakwaan dalam kes itu memberitahu mahkamah bahawa pendakwaan hanya bergantung kepada takrifan di bawah s. 2, iaitu pengedaran secara menjual (selling) dan tidak berdasarkan kepada andaian (presumption) di bawah s. 37 Akta berkenaan. Mahkamah di dalam kes itu telah melepas dan membebaskan OKT di bawah pertuduhan di bawah s. 38B(1)(a) Akta berkenaan tanpa memanggil pembelaan.

Sama seperti di dalam kes sekarang, oleh kerana transaksi penjualan (selling) tidak dilaksanakan secara lengkap, dan pihak pendakwaan tidak bergantung kepada andaian-andaian (presumptions) di bawah s. 37 atau mana-mana bahagian lain di dalam definasi 'pengedaran' di bawah s. 2 Akta itu, maka mahkamah berpuashati dan memutuskan pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT-OKT di bawah pertuduhan di peringkat akhir kes pendakwan. Di atas alasan itu sahaja OKT-OKT boleh dilepas dan dibebaskan tanpa perlu memanggil pembelaan mereka di bawah pertuduhan berkenaan.

Maklumat Di bawah Seksyen 27 Akta Keterangan 1950

Pihak pendakwaan cuba menggunakan maklumat yang dikatakan telah diberi oleh OKT1 kepada SP6 yang mengatakan "tadi kami ada sorok 10 ketul ganja di dalam kotak tepi jalan menghala ke Kuantan." SP6 mendakwa selepas itu OKT-OKT telah membawa pasukan polis ke tempat berkenaan di mana barang kes berkenaan ditemui. Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa maklumat tersebut adalah relevan dan boleh diterima di bawah seksyen 27 Akta Keterangan 1950. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, walaupun maklumat tersebut diterima sebagai keterangan mahkamah masih berpendapat bahawa pihak pendakwaan masih gagal membuktikan 'penjualan (selling)' dadah tersebut kepada SP8; dan oleh kerana pihak pendakwaan hanya bergantung kepada elemen 'penjualan (selling)' di bawah s. 2, Akta berkenaan, maka penerimaan maklumat tersebut sebagai keterangan tidak akan mengubah keputusan di atas ie, pendakwaan telah gagal membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT-OKT seperti pertuduhan, di akhir kes pendakwaan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana isu ini telah ditimbulkan oleh pihak pendakwaan, maka Mahkamah perlu meneliti kesahihan dan nilai maklumat tersebut sebagai keterangan dalam kes ini.

Mengikut SP6, semasa kereta OKT-OKT dikejar dan ditahan di jalan masuk ke Masjid Assyakirin Maran, beliau telah membacakan amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 dan selepas itu OKT1 telah membuat maklumat tersebut.

Maklumat tersebut telah diterima di bawah s. 27 tanpa sebarang perbicaraan di dalam perbicaraan untuk menentukan kerelaan OKT1 semasa membuatnya. Soal kerelaan (voluntariness) di dalam memberi maklumat tersebut hendaklah dianggap sama seperti keterangan-keterangan yang lain dan boleh diuji dan dipertikaikan oleh pembelaan melalui proses soal balas (cross-examination) saksi yang berkenaan (yang menerima maklumat tersebut).

Sehubungan dengan itu mahkamah berpandukan kepada salah satu keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Goi Ching Ang v. PP* [1999] 1 CLJ 829 yang bermaksud

> Terdapat satu budi bicara yang diletakhak dalam hakim perbicaraan untuk mengecualikan keterangan yang menjejaskan seseorang tertuduh walaupun keterangan tersebut boleh diterima secara teknikal. Keterangan yang diperolehi dalam cara yang menindas atau bertentangan dengan hasrat seseorang tertuduh atau melalui penipuan atau kelakuan yang tidak harus dipergunakan oleh pihak polis, akan beroperasi secara tidak adil terhadap tertuduh dan seharusnya tidak diterima atas budi bicara Mahkamah. Mahkamah haruslah memastikan bahawa taraf-taraf kewajaran dalam memperolehi maklumat s. 27 dipatuhi dengan ketat.

Di dalam keputusan di atas, Mahkamah Persekutuan telah menegaskan bahawa mahkamah haruslah memastikan bahawa taraf-taraf kewajaran dalam memperolehi maklumat di bawah s. 27 dipatuhi dengan ketat (the Court should ensure that the standards of propriety in obtaining section 27 information are scrupulously followed). Mahkamah menyedari bahawa pemberian maklumat di bawah s. 27 adalah bertentangan dengan prinsip hak terhadap pembabitan diri, oleh kerana tiada keterangan bahawa s. 112(ii), (iii) dan (iv) Kanun Prosedur Jenayah dipatuhi seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Goi Ching Ang*. Mahkamah juga menyedari bahawa maklumat di bawah s. 27 boleh disalahgunakan oleh pihak yang menahan OKT di dalam sesuatu kes jenayah. (lihat: *Pang Chee Meng v. PP* [1992] 1 CLJ 39). Oleh itu di dalam kes ini, mahkamah akan memastikan semua prinsip yang telah diputuskan oleh mahkamah-mahkamah sebelum ini (berdasarkan authoriti-authoriti) mengenai cara bagaimana sesuatu maklumat di bawah s. 27 diperolehi, di patuhi dengan ketat, untuk menentukan nilai atau kesahihan maklumat tersebut sebagai satu keterangan.

Berdasarkan authoriti-authoriti yang ada syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum sesuatu maklumat di bawah s. 27 dapat diterima dengan sepenuhnya adalah seperti berikut:

(i) mesti terdapat keterangan tentang maklumat sebenar yang diberikan oleh OKT semasa dalam 'custody' dan maklumat tersebut diberikan sebelum fakta mengenainya ditemui; (lihat: *PP v. Basri bin Salihin* [1993] 1 CLJ 420);

(ii) maklumat tersebut merujuk kepada fakta yang ditemui (lihat: *PP v. Kanapathy a/I Kupusamy* [2001] 1 CLJ 61);

(iii) maklumat tersebut mesti datang daripada OKT sendiri, bukan orang lain (lihat: *PP v. Kanapathy Kupusamy*);

(iv) maklumat tersebut mesti merupakan maklumat OKT sendiri dalam bahasa pertuturannya sendiri (lihat: *Sarkar On Evidence* (15th edn. 1999) ms. 550 - 551);

(v) Pendakwaan hendaklah membuktikan 'beyond reasonable doubt' soalan yang sebenar ditanyakan kepada OKT untuk menentukan dengan jelas apakah maklumat yang hendak disampaikan oleh OKT; (lihat: *PP v. Khoo Boo Hock* [1990] 1 CLJ 971);

(vi) rekod-rekod kontemporari mengenai apa yang berlaku di antara pihak polis dengan OKT semasa maklumat tersebut diberikan (lihat: *PP v. Khoo Boo Hock*);

(vii) perkataan-perkataan tepat yang diucapkan oleh OKT di dalam maklumat tersebut hendaklah dibuktikan dengan tegasnya. Jangkaan (approximations) adalah tidak dibenarkan. Tidak boleh ada tambahan atau perubahan. (lihat: *Hasamuddin Talena v. PP* [2002] 2 CLJ 504);

(viii) maklumat tersebut hendaklah dituliskan (sama ada di dalam diari atau sebagainya) sebaik sahaja ianya boleh dipraktikkan (lihat: *Hasamuddin Talena v. PP*).

Di dalam kes sekarang, tiada bukti yang menunjukkan apakah soalan sebenar yang ditanyakan oleh SP6 kepada OKT1 sebelum OKT1 memberikan maklumat berkenaan. Adalah amat meragukan sebaik sahaja amaran di bawah s. 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 dibacakan oleh SP6, OKT1 secara sukarela terus memberikan maklumat tersebut tanpa sebarang pertanyaan yang ditanyakan terlebih dahulu oleh SP6.

Tiada juga keterangan yang menunjukkan SP6 telah merekodkan maklumat tersebut sebaik sahaja ianya diberikan oleh OKT1 sedangkan SP6 mempunyai masa dan kesempatan untuk berbuat demikian. Apa yang ada dicatitkan oleh SP6 ialah di dalam lapuran polisnya (P38) yang dibuat lebih 2 jam selepas maklumat tersebut diberikan oleh OKT1. Maklumat tersebut bukannya panjang, hanya satu ayat (2 baris). Ianya boleh dicatitkan oleh SP6 sebaik sahaja OKT1 memberikan maklumat berkenaan. Paling lama, catitan atau tulisan tersebut akan mengambi masa 1 minit sahaja. Ini tidak dilakukan. Mengikut SP6 beliau mencatitkan maklumat tersebut di dalam lapuran polisnya (P38) berdasarkan apa yang dia cuba ingat semula (recall) tentang apa yang telah dikatakan oleh

OKT1. Dalam keadaan sedemikian adalah meragukan samada SP6 benar-benar dapat ingat dan menulis semula setiap patah perkataan yang diucapkan oleh OKT1 sebelum itu. Di dalam keterangannya semasa disoal balas, SP6 (di muka surat 102, perenggan 1, Nota Keterangan) ada mengatakan:

> Lepas itu saya pulang ke Balai Polis Maran. Sampai lebih kurang 3.00 pagi. Saya tak catit di mana-mana maklumat yang diberikan oleh OKT. Report pertama (P38) saya buat pukul 4 pagi (5 April 2000). Dari pukul 3 pagi hingga pukul 4 pagi saya tidak rekod maklumat itu di mana-mana. Bila saya nak tulis dalam report saya recall balik. Saya ingat dalam kepala.

Syarat ini hendaklah dipatuhi oleh SP6 dengan ketat (strictly). Ini telah dijelaskan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Hasamuddin Talena v. PP (supra)* seperti berikut:

> The exact words spoken by the accused have to be strictly proved. There should be no paraphrasing. No judge should allow one word or more to be deposed to by the police that it is absolutely necessary to show how the fact discovered is connected with the accused.

Di dalam kes tersebut (*Hasamuddin Talena v. PP*) Mahkamah Rayuan telah menolak kesahihan maklumat yang diberikan oleh OKT di bawah s. 27 atas alasan maklumat tersebut tidak memenuhi syarat berkenaan dan akibatnya, OKT telah dilepas dan dibebaskan dan sabitan terhadapnya dibatalkan.

Begitu juga di dalam kes ini, mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa SP6 telah gagal untuk mematuhi syarat-syarat mengenai penerimaan maklumat di bawah s. 27 seperti yang dinyatakan di atas. Taraf-taraf kewajaran dalam memperolehi maklumat di bawah seksyen 27 telah tidak dipatuhi dengan ketat. Oleh itu, di dalam melaksanakan budi bicaranya (seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Goi Ching Ang*) Mahkamah tidak dapat menerima kesahihan maklumat tersebut. Ini bermakna maklumat tersebut, tidak dapat membantu pihak pendakwaan di dalam membuktikan kes *prima facie* terhadap OKT-OKT berkaitan pengedaran dadah berkenaan secara 'penjualan (selling)".

Penutup

Di atas alasan-alasan di atas, mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes *prima facie*, terhadap ketiga-tiga OKT mengikut kehendak s. 180(1) Kanun Prosedur Jenayah di bawah pertuduhan yang dikenakan. Oleh itu Mahkamah memerintahkan ketiga-tiga OKT dilepas dan dibebaskan tanpa memanggil pembelaan masing-masing.